

Ramai bumiputera dalam sektor awam

UM MS 27 14/1/2013

MIRI 13 Jan. - Kerajaan akan memastikan lebih ramai bumiputera terutama dalam kalangan masyarakat Dayak dan Orang Ulu berkhidmat dalam sektor awam.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan berkata, dalam aspek ini kerajaan akan memainkan peranan sebagai pemudah cara dengan menyediakan ruang dan peluang yang berseesuaian bagi golongan tersebut berkhidmat.

Katanya, bagi meningkatkan bilangan masyarakat negeri ini untuk berkhidmat dalam sektor awam, pihaknya turut melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) melalui satu pelan tindakan jangka masa panjang.

“Kerajaan menyedari golongan bumiputera berhadapan persaingan yang sangat sengit apabila jumlah kekosongan ditawarkan dalam sektor awam agak terhad.

“Sehubungan itu, perkara ini dibawa ke peringkat Dewan Rakyat supaya kerajaan dapat meningkatkan jumlah kekosongan sedia ada,” katanya ketika berucap dalam taklimat pendaftaran pekerjaan melalui talian SPA di Dewan Suarah Miri, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Jacob berkata, lebih sejuta pemohon mendaftar dengan SPA melalui kaedah tersebut, namun mereka perlu bersaing kerana hanya 40,000 hingga 50,000 jumlah kekosongan ditawarkan.

Katanya, peningkatan jumlah pemohon itu berikutan kesedaran rakyat bahawa sektor perkhidmatan awam menjanjikan masa depan yang terjamin.

Sektor awam tarik minat Cina, India

HARIAN METRO 14/01/2013 m/8 24

Permohonan kaum Cina dan India untuk menyertai sektor awam yang berjaya mencatat peningkatan tertinggi dalam sejarah iaitu masing-masing 77 peratus dan 79 peratus bagi tempoh enam bulan terakhir tahun lalu membuktikan bahawa perkhidmatan awam negara semakin kompetitif dan menarik perhatian khalayak.

Menurut Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Tan Sri Mahmood Adam, sebanyak 11,848 permohonan diterima daripada kaum Cina dan 21,481 permohonan daripada kaum India, berbanding masing-masing hanya 6,697 dan 12,009 permohonan dalam tempoh sama tahun sebelumnya.

Katanya, peningkatan drastik ini hasil kerjasama SPA dengan persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu mewakili kaum berkenaan selain dengan NGO kaum Dayak dan Kelantan sejak Jun lalu melalui siri jelajah SPA.

Sebanyak 47,335 lantikan baru daripada pelbagai kaum dilaksanakan tahun lalu juga sekali gus melenyapkan segala tuduhan dan fitnah selama ini bahawa sektor awam hanya dikuasai oleh kaum Melayu semata-mata.

Ia juga menidakkan tanggapan dan persepsi khalayak sekian lama bahawa kaum bukan Melayu tidak minat untuk berkhidmat dengan kerajaan atas pelbagai alasan yang tidak munasabah.

Sektor awam kompetitif

Bagi penulis, statistik dan senario ini menggambarkan betapa sektor awam kita semakin kompetitif dan melalui satu proses transformasi hebat dalam jangka masa sangat singkat sehingga mampu menarik minat seluruh rakyat Malaysia untuk memohon pelbagai jawatan.

Hal ini dibuktikan lagi dengan statistik 631,692 permohonan baru diterima antara Jun hingga Disember tahun lalu yang menunjukkan peningkatan 247,341 permohonan berbanding tempoh sama pada 2011 iaitu pertambahan 192,867 permohonan (63 peratus) bagi kaum Melayu dan 45,002 (77 peratus) bagi kaum lain.

Malah, calon mendaftar dengan SPA juga dilaporkan meningkat kepada 814,659 orang dengan tempoh sah laku pendaftaran itu selama lima tahun berbanding hanya setahun sebelum ini.

Skim gaji semakin menarik, peluang kenaikan pangkat lebih terbuka serta pelbagai inisiatif tam-

bahan baru terus menjadi daya penarik utama pelbagai lapisan masyarakat untuk memohon menyertai perkhidmatan awam.

Di samping itu, penulis percaya tahap kesedaran rakyat yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada kemajuan negara dan masyarakat menjadi satu lagi sebab bilangan yang ingin berkhidmat dengan kerajaan naik mendadak terutama daripada bukan Melayu.

Gembleng tenaga

Ini menunjukkan semua pihak sedia mengembleng tenaga bagi memacu kecemerlangan negara dan rakyat, termasuk dalam mengejar impian untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 yang hanya berbaki tujuh tahun.

Kita wajar memuji segala usaha dan inisiatif dilaksanakan SPA untuk menarik perhatian bukan Melayu menyertai sektor awam selain

berharap agar SPA terus mengkaji dan memperkenalkan pelbagai lagi inisiatif baru bagi memperkasakan lagi perkhidmatan awam supaya terus kekal kompetitif.

Diharapkan juga agar Suruhanjaya Khas Mengkaji Transformasi Perkhidmatan Awam (SKMTPA) yang ditubuhkan kerajaan untuk menambah baik kualiti perkhidmatan awam melalui penyampaian perkhidmatan berkesan kepada rakyat akan mengambil kira segala cadangan yang dikemukakan pelbagai pihak.

Sebagai jentera pentadbiran kerajaan, sektor awam dan penjawat awam perlu lebih agresif agar selari dengan tuntutan perubahan semasa. Untuk itu, sektor awam perlu memiliki penjawat yang kompetitif, mesra rakyat, efisien dan produktif.

Senario semasa juga menuntut penjawat awam dan jabatan kerajaan mengutamakan elemen inovasi dan kreativiti dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Maka sektor awam perlu kekal kompetitif agar kita dapat menarik dan melantik calon yang benar-benar berkualiti dan berdaya saing.

Ia tidak mustahil untuk dilaksanakan kerana bilangan pemohon yang semakin meningkat, sekali gus membuka peluang yang luas kepada SPA menyaring dan memilih calon berkualiti.

Ringkasnya penawaran melebihi permintaan memberi SPA pilihan lebih fleksibel melantik calon baru.

Penulis berkelulusan Sarjana Komunikasi Korporat adalah Ketua Bahagian Perancangan Korporat UPM

FAKTA
SPA terima 11,848 permohonan daripada kaum Cina dan 21,481 (India)

விரைவாக விண்ணப்பிக்குமாறு ஆணையத் தலைவர் வேண்டுகோள்

MALAYSIA NARBAN
13/1/2013
M/S 11

கோலாலம்பூர், ஜன.13-
இம்மாதம் 13ஆம் தேதி இரவு 11.59 மணிக்குள்
PEMBANTU TADBIR KWANGAN GRED W17
மற்றும் PEMBANTU ANTIDADAH GRED S17
என்ற இரண்டு வேலைகளுக்கான விண்ணப்
பங்களை அனுப்பி வைக்க வேண்டும். எஸ்பிஏ
என்ற பொதுச்சேவை ஆணையத்தின் தலைவர்
டான்மூர் மாமூட் அடாம் வேண்டுகோள்
விடுத்துள்ளார்.

உள்துறை அமைச்சில் போதைப் பொருள்
ஒழிப்பு உதவியாளராக பணியாற்றுவதற்கு 82
பேரும் பொதுச்சேவை இலாகாவில் நிதிநிர்வாக
உதவியாளராக பணியாற்றுவதற்கு 100 பேரும்

தேவைப்படுகின்றனர் என்ற விவரங்
களை இவர் வெளியிட்டுள்ளார்.

மலாய்க்காரர் அல்லாதவர்
குறிப்பாக இந்திய விண்ணப்பதாரர்
கள் இந்த விவரங்களை கருத்தில்
கொண்டு செயல்பட வேண்டும்.
போதைப் பொருள் ஒழிப்பு உதவியாளர்,
நிதி நிர்வாக உதவியாளர் ஆகிய இந்த
இரண்டு வகை பணிகளுக்கு எஸ்பிஎம்
கல்வித்தகுதி கொண்டவர்கள்
மட்டுமின்றி டிப்ளோமா, பட்டப்படிப்பு
தகுதி கொண்டவர்களும் விண்ணப்



பிக்கும் வண்ணம் இப்போது எஸ்பிஏ
விதிமுறையில் திருத்தம் ஏற்பட்
டுள்ளது.

www.spa.gov.my என்ற அகப்
பக்கத்தில் விவரங்களை முறையாக
வும் முழுமையாகவும் சேர்க்க
வேண்டும் என்று எஸ்பிஏ பொதுச்
சேவைத்துறை ஆணையத்தின்
தலைவர் டான்மூர் மாமூட் அடாம்
அறிவுறுத்துகிறார்.

எஸ்பிஏயின் பொதுதொடர்பு எண்
03-88856000. எஸ்பிஏயின் புதிய

விதியின்படி ஒவ்வொரு விண்ணப்பம்
60 மாதங்களுக்கு செல்லுபடியாகும்.

ஏற்கெனவே இந்த இரண்டு
வேலைகளுக்காக மனு செய்தவர்கள்
மறுபடியும் மனு செய்ய வேண்டிய
அவசியம் இல்லை என்கிறார்
ஆணையத் தலைவர்.

வேலையில் தன்மை எப்படிப்பட்டது,
அதற்கான சம்பளம், அனுகூலம் ஆகிய
விவரங்களுக்கு
http://www.spa.gov.my/portal/Deskripsi_Tugas என்ற அகப்பக்
கத்தில் வழி விரிவாக தெரிந்துக்
கொள்ளலாம்.

எல்லாவற்றிற்கும் மேலாக எஸ்பிஏ
யின் அகப்பக்கமான www.spa.gov.my
என்ற அகப்பக்கமானது சம்பந்தப்பட்ட
அனைவருக்கும் அத்தபடியாக இருக்க
வேண்டும் என்று வலியுறுத்துகிறார்
டான்மூர் மாமூட் அடாம். இதன்
தொடர்பிலான வழிகாட்டுதலுக்கு
பெருஜி பெருமாள் 016-6241925 என்ற
எண்ணில் தொடர்பு கொள்ளலாம்.

MALAYSIA NANBAN

13.1.2013

M/S 11

**MEMBUAT PERMOHONAN UNTUK JAWATAN PEMBANTU TADBIR
KEWANGAN DRED 17 DAN PEMBANTU ANTIDADAH GRED S17**

182 kekosongan jawatan di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (S.P.A) kini dibuka. Bagi sesiapa yang berminat dalam perkhidmatan awam boleh terus ke laman web S.P.A untuk membuat permohonan, kata YBhg Tan Sri Mahmood Adam. Antara jawatan yang ditawarkan ialah Pembantu Tadbir Kewangan Gred W17 dan Pembantu Antidadah Gred S17. Terdapat 82 kekosongan untuk jawatan Pembantu Antidadah dan 100 kekosongan untuk jawatan Pembantu Tadbir Kewangan. Calon yang mempunyai kelulusan SPM, Diploma dan Ijazah boleh membuat permohonan dalam laman web www.spa.gov.my bagi jawatan tersebut sebelum 13 Januari ini, jam 11.59 malam. Calon juga boleh menghubungi terus S.P.A di talian 03-8885 6000. Calon-calun yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan-jawatan tersebut tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan permohonan masih dalam tempoh salahlaku. Selain daripada ini, untuk maklumat lanjut tentang syarat lantikan, tugas untuk jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui http://www.spa.gov.my/portal/Deskripsi_tugas.

அரசு வேலைகள் இந்தியர்களுக்கு ஒரு கனவா?



டான்ஸ் அடாமுடன் டத்தோ ஆர். சேகர்ராஜா

கே: இந்தியர்களின் பிரச்சினைகளைக் களையவும் அவர்களின் குறைகளை மிக அக்கறையுடன் காது கொடுத்துக் கேட்கவும் பிரதமர் டத்தோஸ் நஜிப் படாத பாடுபட்டு வருகிறார். எதிர்பார்த்தபடி இந்தியர்களுக்குப் போதுமான அரசாங்க வேலைகள் கிடைக்கவில்லையே...?

சா. வடிவேலு, சுங்கைப்பட்டாணி

ப: அரசாங்கம் இதைக் கவனிக்க ஆணையம் ஒன்றை நிறுவி அதற்கு டான்ஸ் மாமுட் அடாமைத் தலைவராக வைத்துள்ளது. இந்தியர் சார்ந்த பிரச்சினைகளைக் கவனிக்க டத்தோ ஆர். சேகர்ராஜாவையும் அவருக்குத் துணையாக பெருஜி என்ற பெருமானையும் நியமித்திருக்கிறது. அண்மையில் கூட 21,481 இந்தியர்கள் வேலைகளுக்கு விண்ணப்பம் செய்திருக்கிறார்கள். 2011ஆம் ஆண்டைவிட இது 49 விழுக்காடு அதிகம் என்று அவர் கூறியிருக்கிறார். விண்ணப்பம் செய்தார்கள் சரி! வேலை



பெருஜி பெருமாள்

பெற்றவர்கள் எத்தனை பேர்? எந்தெந்தத் துறைகளில் என்னென்ன வேலைகள் கிடைத்திருக்கின்றன? என்பன போன்ற விவரங்கள் தெரிவதில்லை. பெரும்பாலும் பிரதமரின் இந்தக் கனவு நிறைவேற உயர்மட்டத்தில் இருந்து அடிமட்டம் வரை உள்ள அரசு அதிகாரிகள் துணை புரிய வேண்டும். அப்போதுதான் அரசாங்கத்தின் இந்தக் கனவு மெய்ப்படும். பிரதமர் சொல்வது ஓர் ஏட்டளவு உத்தரவாக இல்லாமல் எல்லா நிலைகளிலும் உறுதிப்படுத்தப்பட்ட உத்தரவாக இது அமைய வேண்டும். அப்போதுதான் இது நிறைவேறும்.

MAKKAL OSAI

13.1.2013

M/S 2

KAUM INDIA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah melantik YBhg. Datuk R. Segarajah, Timbalan Pengerusi S.P.A dan turut dibantu oleh Peruji Perumal untuk menarik minat kaum India memohon jawatan dalam kerajaan . Sebanyak 21,481 calon India telah membuat permohonan ke perkhidmatan awam pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan yang drastik berbanding tahun sebelum iaitu hanya 12,009 sahaja. Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (S.P.A) YBhg. Tan Sri Mahmood Adam juga sentiasa berusaha menarik minat kaum bukan Melayu di sektor Awam.